

## Grasio tanding di India

Berita Harian, 19 April 2013, Page 30

Article is not available on microfilm

Printer-Friendly Page

# Grasio tanding di India

**THANG TA**

Oleh YUSOFF A. RAHMAN

SELEPAS menyerlah dalam kejohanan pencak silat setempat, Persatuan Grasio akan meneroka pula acara seni bela diri campuran.

yusoff@sph.com.sg

Seramai tujuh pesilatnya akan menyertai Kejohanan Thang Ta Kedua di Kolkata, India, dari 21 hingga 24 April ini.

Rombongan Grasio, yang dipimpin presidenya, Sheik Alau'ddin Yacoob, bersama tiga lagi pegawai – Tuah Hashim, Yasrin Yasil dan Sa'adiah Sanuse – berlepas ke India semalam.

"Inilah kali pertama kami menyertai Kejohanan Thang Ta dan akan membawa tujuh peserta Grasio dalam kejohanan

ini nanti," kata Sheik, yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Persekutuan Silat Singapura (Persisi).

Tujuh peserta itu ialah Hazya Danieal Mohamed Yasrin, Sheik Ferdous Sheik Alau'ddin, Sheik Fayz Sheik Alau'ddin, Irham Mustafa Kamal, Nurzuhairah Mohammad Yazid, Amsyar Hanif Zainal Abidin dan Nur Shajira Sheik Alau'ddin.

Baru-baru ini, Grasio muncul sebagai juara keseluruhan Kejohanan Silat Nasional di Dewan Sukan Pasir Ris dengan memungut 52 pingat emas, 22 perak dan sembilan gangsa.

Thang Ta ialah sukan seni bela diri berasal dari India dan mempunyai pengertian pedang dan tombak.

Ia boleh ditandingkan sama ada menggunakan senjata atau tidak.

Setiap perlawanan berlangsung dua pusingan dengan tiga minit diberi bagi tempoh perlawanan tersebut.

Ditanya bagaimana Grasio boleh tergerak mahu menyertai kejohanan ini, Sheik berkata beliau telah menerima e-mel daripada pihak penganjur.

"Sukan ini bukan sahaja mempunyai Persekutuan Thang Ta Asia bahkan juga Persekutuan Thang Ta Sedunia.

"Dalam usaha mahu mengembangkan sukan

ini, India sedia menghantar jurulatih-jurulatih mereka yang bertauliah untuk memberi latihan percuma kepada negara atau kelab yang berminat dengan sukan ini.

"Oleh kerana Grasio ada mengadakan latihan seni bela diri campuran bagi anggotanya, jadi kami pun menyertai kejohanan ini.

"Kami mempunyai 30 pesilat yang juga terlibat dalam seni bela diri campuran.

"Bagi kejohanan ini, kami hanya perlu membayar tiket kapal terbang sementara keperluan lainnya disediakan pihak penganjur," Sheik menambahkan.

Menurut Sheik, para peserta Grasio adalah baru dalam Thang Ta dan mahu menimba sebanyak mungkin pengalaman dan pendedahan dalam sukan ini.

"Bagaimanapun, para peserta kami tetap ghairah mahu melakukan yang terbaik," ujar Sheik, sambil merujuk Irham Mustaffa sebagai pesertanya yang boleh memberikan saingan dalam kejohanan ini nanti.

Ditanya mengenai kemungkinan Persisi juga menyertai Kejohanan Thang Ta pada masa depan, Sheik memberitahu: "Matlamat utama Persisi adalah dalam sukan silat. Kami tidak boleh mencampuradukkan silat dengan acara seni bela lain."

Oleh kerana Grasio ada mengadakan latihan seni bela diri campuran bagi anggotanya, jadi kami pun menyertai kejohanan ini. Kami mempunyai 30 pesilat yang juga terlibat dalam seni bela diri campuran.

— Sheik Alau'ddin Yacoob, presiden Grasio, yang juga ketua rombongan.



**MENIMBA PENGALAMAN:**  
(*Dari kiri*) Sheik Ferdous, Sheik  
Fayz, Irham Mustafa Kamal,  
Nur Shaqira, Nurzuhairah Md  
Yazid, Hazyq Danieal dan  
Amsyar Hani akan muncul buat  
pertama kali dalam Kejohanan  
Thang Ta. – Foto KHALID BABA

– Foto KHALID BABA